



**SIARAN AKHBAR**  
**JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Lapan premis perniagaan dikenakan kompaun dan notis amaran kerana gagal patuhi harga yang ditetapkan dan peraturan tanda harga di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142**

Tarikh: 19 Disember 2023

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mendapati lapan (8) buah premis perniagaan melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya di sepanjang bulan November 2023.
2. Berikutan hasil pemeriksaan rutin harian dan aduan pengguna yang diterima secara rasmi di bawah mandat Akta Kawalan Harga, Penggal 142, JPES telah mengeluarkan sebanyak empat (4) kompaun dan empat (4) notis amaran atas kesalahan-kesalahan menjual minyak masak dan susu tepung formula anak damit melebihi harga maksimum yang ditetapkan; tidak membubuh tanda harga pada barangan yang dijual; dan mempamerkan tanda harga yang tidak selaras dengan harga di dalam sistem pembayaran. Maklumat kompaun adalah seperti keterangan berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Nama syarikat</b>	<b>Kesalahan</b>	<b>Tindakan (Kompaun)</b>
1	Jannath Department Store Sdn Bhd, Kg. Bunut	Bab 3B: Melebihi harga dan bayaran maksimum yang ditetapkan oleh Pengawal Harga (produk minyak masak dan susu tepung formula anak damit)	\$500.00
2	Fataj Sdn Bhd, Kg. Mabohai		\$500.00
3	Hidayah Haris Enterprise, Kg. Jerudong		\$700.00

Bil.	Nama syarikat	Kesalahan	Tindakan (Kompaun)
4	Seri Yasra Enterprise Sdn Bhd, Kg. Kiulap	Bab 5: Tidak mempamerkan harga pada mana-mana barangan dan/atau memaparkan tanda harga yang tidak selaras dengan harga di dalam sistem pembayaran	\$500.00

3. JPES secara berterusan mengingatkan para peniaga untuk sentiasa peka dengan harga-harga maksimum yang telah ditetapkan bagi barangan yang di kawal harga di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142. Maklumat harga maksimum boleh diperolehi di dalam aplikasi mudah alih PenggunaBijak dan di laman sesawang JPES di [www.deps.mofe.gov.bn/cad](http://www.deps.mofe.gov.bn/cad).
4. Para peniaga juga diseru untuk mengamalkan amalan perniagaan yang beretika dan bertanggungjawab dengan memastikan barangan yang dijual di dalam premis perniagaan dibubuh tanda harga yang jelas, tepat dan tidak mengelirukan pengguna.
5. Di kesempatan ini, JPES merakamkan penghargaan terima kasih kepada para pengguna yang telah menyalurkan aduan secara bertanggungjawab dengan menyertakan maklumat lengkap termasuk dokumen sokongan seperti resit pembayaran dan gambar melalui saluran-saluran rasmi iaitu aplikasi mudah alih PenggunaBijak, Talian Darussalam 123 dan e-mel [aduanpengguna@jpes.gov.bn](mailto:aduanpengguna@jpes.gov.bn).
6. Maklumat lanjut mengenai Akta Kawalan Harga, Penggal 142 boleh diperolehi melalui aplikasi mudah alih PenggunaBijak dan lama sesawang JPES di [www.deps.mofe.gov.bn/cad](http://www.deps.mofe.gov.bn/cad).

\*\*\*\*\*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi